

Ruj. Fail : MBSJ.KHP.100-6/1/1( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 2 TAHUN 2021**

**Tarikh** : **24 Februari 2021 (Rabu)**

**Masa** : **10.00 pagi – 11.45 pagi**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Bandaraya Subang Jaya**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN FEBRUARI 2021**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Februari 2021.

### **3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kedua bagi tahun 2021. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar memberitahu bahawa usaha untuk mencegah penyakit COVID-19 daripada terus menular adalah penting bagi memastikan keadaan ekonomi rakyat dan negara dapat dibaik pulih dengan kadar segera.

Malaysia telah menerima vaksin Pfizer-BioNTech pada 21 Februari 2021 dan *Roll-out* pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan bermula pada 26 Februari 2021.

Program imunisasi menyeluruh ini adalah untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk di dalam komuniti agar dapat memutuskan rantai penularan jangkitan COVID-19 dan akhirnya dapat menamatkan pandemik COVID-19.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mengandungi tiga fasa. Fasa pertama akan melibatkan petugas barisan hadapan, bermula pada 26 Februari sehingga April 2021. Fasa kedua pula akan bermula pada bulan April sehingga Ogos 2021 dan akan melibatkan kumpulan yang berisiko tinggi, manakala Fasa Ketiga akan melibatkan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, bermula dari bulan Mei 2021 sehingga Februari 2022.

Kerajaan Negeri Selangor juga memandang serius berkenaan pembelian vaksin covid 19 dan langkah bagi mendapatkan bekalan vaksin merupakan usaha kerajaan negeri bagi melindungi komuniti dan sektor ekonomi di Selangor.

Diharapkan apabila semua orang telah dilindungi dan Program Imunisasi berjaya dilaksanakan akan memberikan sinar kepada semua apabila pelbagai sektor ekonomi dapat dibuka semula.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Majlis akan mengadakan Mesyuarat Pelan Operasi Bajet Tahunan MBSJ Bil.1/2021 pada 3 Mac 2021. Mesyuarat ini dilaksanakan bagi membincangkan tahap pencapaian keseluruhan Jabatan melalui indikator-indikator Pelan Strategik MBSJ 2020-2030. Pengukuran keseluruhan pencapaian pengurusan perbelanjaan dan tadbir urus Majlis serta pelaksanaan perancangan bagi tahun 2021 juga turut dibincangkan.
  
- v) Datuk Bandar turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga 20 Februari 2021 terdapat sebanyak 321 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Pada Minggu Epid 7 iaitu dari 14 Februari hingga 20 Februari 2021 terdapat 1 lokaliti hotspots denggi iaitu di PJS 9.

Pengasapan atau fogging bukan mekanisma terbaik untuk menangani denggi kerana hanya membunuh nyamuk sahaja. Mekanisma yang lebih penting adalah masyarakat perlu memastikan kawasan persekitaran mereka bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya seminggu sekali dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam serta sekitar premis masing-masing.

- vi) Maklumat mengenai kes covid-19 turut dikongsi dan sehingga 21 Februari 2021 terdapat sebanyak 283, 569 kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 1,056 kematian. Di Negeri Selangor terdapat 94,395 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan sebanyak 25,137 kes di Daerah Petaling.

Kakitangan MBSJ juga tidak terkecuali daripada dijangkiti Covid 19. Setakat ini terdapat 21 kes positif Covid 19 di kalangan kakitangan MBSJ. Kes pertama yang dilaporkan adalah pada 27 Oktober 2020 dan kes terakhir dilaporkan pada 9 Februari 2021. Sukacita juga dimaklumkan, bagi keadaan semasa tiada kes aktif yang masih dirawat di kalangan kakitangan MBSJ.

Pihak Majlis sentiasa mengingatkan semua kakitangan MBSJ dan masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak,Sempit,Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan / guna hand sanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Majlis Pemberian 'Poon Choi'. Bersesuaian dengan keadaan di Negeri Selangor yang masih berada di dalam Perintah Kawalan Pegerakan (PKP), sambutan Tahun Baru Cina MBSJ pada tahun ini diubah kepada Majlis Pemberian 'Poon Choi' kepada 100 orang golongan B40 di

zon-zon Ahli Majlis MBSJ. Majlis Pemberian 'Poon Choi' ini akan diadakan pada 26 Februari 2021 jam 9.30 pagi bertempat di Lobi aras 1 MBSJ.

- viii) Di kesempatan ini juga, Datuk Bandar mewakili warga kerja MBSJ mengucapkan tahniah kepada YB Dato' Nor Azmie Bin Diron diatas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- ix) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2021**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2021 bertarikh 27 Januari 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

#### **5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2021**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2021 bertarikh 27 Januari 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

## 6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

### 6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 1/2021 bertarikh 8 Februari 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan permohonan maklumat seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 (iv) & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan Pengurusan Aduan bagi Januari hingga Disember 2020 oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik	Beliau memaklumkan bahawa data menunjukkan DUN Seri Serdang merupakan penerima aduan mengikut DUN paling tinggi bagi bulan Januari sehingga Disember 2020. Beliau memohon penjelasan apakah jenis aduan DUN Seri Serdang dan punca serta pendekatan yang diambil bagi menangani aduan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Datuk Bandar meminta supaya Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik menyediakan jawapan bagi pertanyaan berikut dan menyerahkannya kepada Ahli Majlis untuk makluman dan tindakan selanjutnya.</p> <p><b>Tindakan :</b></p> <p><b>Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b></p>
2.	Para 2.1.1 & m/s 2	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	Laporan Pengurusan Aduan bagi Januari hingga Disember 2020 oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan	Beliau memohon Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik memberikan laporan lengkap jenis aduan di Kota Kemuning dan permasalahan yang berlaku di kawasan



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Strategik	<p>tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Datuk Bandar meminta supaya Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik menyediakan jawapan bagi pertanyaan berikut dan menyerahkannya kepada Ahli Majlis untuk makluman dan tindakan selanjutnya.</p> <p><b>Tindakan :</b></p> <p><b>Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b></p>
3.	Para 2.1 & m/s 4	Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Pengurusan Aduan bagi Januari hingga Disember 2020 oleh Jabatan Korporat dan	Beliau inginkan penjelasan apakah strategi jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang di ambil oleh pihak Majlis berkenaan isu anjing liar

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
			Pengurusan Strategik	yang dilihat semakin banyak di kawasan pentadbiran MBSJ.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Datuk Bandar meminta supaya strategi bagi menangani isu anjing liar dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar akan datang.  <b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kesihatan</b>

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 1/2021 bertarikh 8 Februari 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
4.	Para 5.4 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	<p>Perkara Berbangkit – Kertas Cadangan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Kawasan MPP Zon 21,22,23 dan 24 Dengan Kerjasama Universiti Putra Malaysia Bagi Pembangunan Analisis Video</p>	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara ini dan meminta supaya mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan berkenaan pemasangan CCTV ini dapat dilaksanakan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Datuk Bandar meminta Jabatan Teknologi Maklumat menyelesaikan perkara ini dengan segera dan membuat pelaporan status pemasangan CCTV di MPP Zon 21,22,23 dan 24 di dalam Mesyuarat Jawatankuasa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat akan datang.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</b></p>
5.	Para 4.2 & m/s 5	Encik Thomas Low Yew Sin	Kertas Laporan Pemantauan CCTV Bagi Bulan oktober 2020 hingga Disember 2020 dan Januari 2021	<p>Beliau memohon penjelasan kenapa CCTV tidak aktif melebihi CCTV aktif?</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa CCTV tidak aktif merupakan CCTV yang dipasang di lokasi yang tidak mempunyai aktiviti yang memerlukan tindakan majlis. Jabatan sedang mengenalpasti lokasi yang strategik</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				untuk dipindahkan CCTV tidak aktif ke lokasi yang lebih bersesuaian. <b>Makluman</b>

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2021 bertarikh 10 Februari 2021**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2021 bertarikh 10 Februari 2021**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.2/2021 bertarikh 15 Februari 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2021 bertarikh 16 Februari 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2021 bertarikh 17 Februari 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 7.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 25 Februari 2021

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR DI PEJABAT

- |     |  |   |                         |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Datuk Bandar                       | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu   | - | "                       |
| 5.  | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim                                      | - | "                       |
| 6.  | Encik Thong Kim Fatt   | - | "                       |
| 7.  | Encik Muhammad Khairil bin Khalid  | - | "                       |
| 8.  | Encik Jestin Raj Savarimuthu   | - | "                       |
| 9.  | Encik Mohamad Kamil bin Harun  | - | "                       |
| 10. | Encik Jaafar bin Mat Akid  | - | "                       |
| 11. | Encik Teh Eng Teck   | - | "                       |

### HADIR (DALAM TALIAN)

- |    |                                    |   |             |
|----|------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | Ahli Majlis |
|----|------------------------------------|---|-------------|



- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 2.  | Encik Mehanatan a/l Embamurthi            | - | ” |
| 3.  | Encik Thamilarusu a/l Sandayan            | - | ” |
| 4.  | Encik Chia Yew Ken                        | - | ” |
| 5.  | Encik Thomas Low Yen Sen                  | - | ” |
| 6.  | Encik Wong Yii Seang                      | - | ” |
| 7.  | Puan Lee Jen Uyin                         | - | ” |
| 8.  | Puan Ng Seow Chen                         | - | ” |
| 9.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim              | - | ” |
| 10. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin            | - | ” |
| 11. | Puan Aniza binti Jamaludin                | - | ” |
| 12. | Encik Muhammad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | ” |
| 13. | Puan Nor Liyana binti Yahaya              | - | ” |
| 14. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan          | - | ” |
| 15. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli           | - | ” |

**HADIR (PEGAWAI MBSJ)- DALAM TALIAN**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts. Hjh. Azura Binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N., P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Sr Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
17. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
18. Puan Azlina Binti Mat Salim  
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Encik Mohd Hazman bin Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

### **TIDAK HADIR**

1. Tpr.Haji Ismail bin Muhammad,<sup>A.I.S</sup> - Pengarah  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

### **URUSETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan